



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 41/2020 dari 4 Oktober hingga 10 Oktober 2020)

Situasi Demam Denggi negara terus menunjukkan penurunan bilangan kes yang dilaporkan bagi tempoh lapan minggu berturut-turut. Pada minggu ke-41, sebanyak 1,107 kes dilaporkan berbanding 1,207 kes pada minggu sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 100 kes (8.3%). Ini merupakan jumlah kes mingguan terendah yang pernah dilaporkan sejak tahun 2019. Sebanyak satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-41. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 79,410 kes berbanding 104,746 kes bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan 24.2% (25,336 kes) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 128 kematian berbanding 152 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu pengurangan 24 kematian (15.8%) **(Lampiran A & C)**.

Bilangan lokaliti hotspot juga turut berkurang iaitu sebanyak 27 lokaliti hotspot pada minggu ke-41 berbanding 29 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 18 lokaliti hotspot (66.7%) dari keseluruhan 27 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti tujuh (7) lokaliti hotspot (25.9%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya serta masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (3.7%) dan di Pahang (3.7%) **(Lampiran B & D)**.

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 16 kes pada minggu ke-41 dimana sebanyak tujuh (7) kes dilaporkan dari Negeri Pulau Pinang, empat (4) kes dari Negeri Kedah, masing-masing dua (2) kes dari Negeri Melaka dan

Perak serta satu (1) kes dari Negeri Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 2,277 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 1,459 sampel darah dan 21 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Walaupun tren penurunan kes Demam Denggi diperhatikan sejak dua (2) bulan yang lepas, namun berdasarkan tren kes yang dilaporkan pada tahun lepas serta tren kes bagi 5 tahun iaitu dari tahun 2015-2019, peningkatan kes akan mula berlaku pada bulan November sehingga tahun hadapan. Langkah bersiap siaga dan sikap proaktif seluruh lapisan masyarakat adalah amat penting untuk menghalang peningkatan kes daripada berlaku. Seluruh lapisan masyarakat perlu bersama-sama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk terus melaksanakan aktiviti pembersihan persekitaran serta memastikan segala bekas berpotensi untuk pembiakan *Aedes* dimusnahkan. Bagi kawasan yang dikenalpasti sebagai lokaliti wabak Demam Denggi, tingkatkan langkah pencegahan dengan cara melakukan semburan aerosol di dalam rumah untuk membunuh nyamuk dewasa serta gunakan bahan penghalau nyamuk seperti lingkaran penghalau nyamuk.


Disamping itu, individu yang menunjukkan gejala Demam Denggi seperti demam disertai sakit belakang mata, sakit sendi/otot, mual/muntah, sakit perut dan lain-lain, segeralah dapatkan rawatan dari fasiliti kesihatan walaupun berada di kawasan yang diisytihar Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) atau Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Rawatan awal boleh menyelamatkan nyawa. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**

 bp KPK


**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG**  
(MPM 26477)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Mencegah Penyakit)  
Kementerian Kesihatan Malaysia


19 Oktober 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 40 dan ke- 41 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 41 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-41 tahun 2020

## Lampiran C

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 41/2020  
(4 Oktober hingga 10 Oktober 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 41/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 41/2019	
		Minggu Epid 41 (4 Oktober – 10 Oktober 2020)		Minggu Epid 40 (27 September – 3 Oktober 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	9	0	76	0	262	0
2	Kedah	15	0	5	0	714	0	1,385	5
3	P. Pinang	13	0	22	0	854	2	3,688	9
4	Perak	20	0	22	0	2,481	3	2,486	4
5	Selangor	439	0	494	0	39,798	36	57,980	49
6	WP KL & Putrajaya	145	0	157	0	9,230	7	13,033	8
7	N. Sembilan	40	0	37	0	2,550	8	1,868	8
8	Melaka	60	1	75	0	2,254	7	1,727	6
9	Johor	237	0	238	2	9,722	35	8,903	23
10	Pahang	63	0	68	0	2,683	7	2,024	8
11	Terengganu	4	0	3	0	342	0	489	2
12	Kelantan	26	0	25	0	3,714	6	4,757	7
13	Sarawak	6	0	14	0	1,385	2	1,864	2
14	Sabah	39	0	38	0	3,601	15	4,247	21
15	WP Labuan	0	0	0	0	6	0	33	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,107</b>	<b>1</b>	<b>1,207</b>	<b>2</b>	<b>79,410</b>	<b>128</b>	<b>104,746</b>	<b>152</b>

## Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 41/2020  
(4 Oktober hingga 10 Oktober 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	WPKL	Titivangsa	Desa Tun Hussein Onn (Blok C1-C5)	34	74
2	SELANGOR	H/Langat	Evergreen Scot Pine Bdr Sg Long	12	70
3	SELANGOR	H/Langat	Jalan 6/5 Seksyen 6 BB Bangi	19	66
4	N SEMBILAN	Seremban	Tmn Bukit Margosa (Jln 6 - Jln 18)	18	66
5	SELANGOR	Petaling	E1. Sek 7 (Teres E : Jln 7/29-7/35)	23	62
6	SELANGOR	H/Langat	Apt Sri Ria Taman Sepakat Indah	26	60
7	WPKL	Cheras	Pangsapuri Sri Malaysia	11	49
8	SELANGOR	H/Langat	Apt Minang Ria Tmn Minang Ria	16	49
9	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi (Bilik Bujang Ramd)	12	47
10	SELANGOR	H/Langat	Jln 3/23-28,3/35-37 Sek 3 BB Bangi	24	46
11	SELANGOR	H/Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	12	45
12	SELANGOR	Petaling	E1. Sek 9 (Kuarters Ipk Selangor)	7	42
13	SELANGOR	H/Langat	Jln Cp 3 Tmn Cheras Perdana	9	41
14	WPKL	Putrajaya	Presint 9 - Jalan P9g1/1 - G1/5	10	40
15	WPKL	Cheras	Jln Gandek (Jln Gandek, Jln Kalong, Jln Gelang)	6	38
16	SELANGOR	H/Langat	Jalan 4/5 Seksyen 4 BB Bangi	9	38
17	SELANGOR	Petaling	E14. Tmn Kinrara Jln Tk 5 (Flat Tmn Mawar)	7	38
18	SELANGOR	Petaling	E4. Sek U1 (Teres D : Jln U1/80 - 83)	10	38
19	SELANGOR	H/Langat	Flat Sri Nilam BB Ampang	9	36
20	WPKL	L/Pantai	Tmn Sri Sentosa (Jln1,1b,2,2b/133)	5	35
21	SELANGOR	Petaling	E10. Bg Jalan Pencala	5	34
22	PAHANG	Kuantan	Tmn. Mahkota Aman Fasa 1	13	34
23	WPKL	L/Pantai	Petaling Indah Kondo Fasa 2 (Blok 10&12)	6	33
24	SELANGOR	Petaling	E3. Sek 28 (Teres A - Jln. 28/2 - 28/10)	7	33
25	SELANGOR	H/Langat	Jln Kesuma 5/11,5/11a-5/11d Bdr Tasik Kesuma	12	32
26	SELANGOR	Petaling	E9. Kt Ss 3 (Teres 2)[Jln Ss 3/39,80,82,84,86,88,90,92,94,96,98]	7	32
27	SELANGOR	H/Langat	Jalan Hentian 2-6 Hentian Kajang	6	31

## Lampiran E

### PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI SEHINGGA MINGGU EPID 41/2020 (10 Oktober 2020)

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	Kangar	1	1
2	Kedah	Baling	2	63
		Kota Setar	3	
		Kuala Muda	4	
		Kubang Pasu	3	
		Kulim	45	
		Pendang	2	
		Sik	2	
		Yan	2	
3	P. Pinang	Barat Daya	202	1,073
		Timur Laut	803	
		Seberang Perai Utara	22	
		Seberang Perai Tengah	43	
		Seberang Perai Selatan	3	
4	Perak	Batang Padang	61	986
		Hilir Perak	1	
		Hulu Perak	3	
		Kampar	165	
		Kerian	1	
		Kinta	577	
		Kuala Kangsar	48	
		Larut, Matang & Selama	113	
		Manjung	13	
		Muallim	2	
		Perak Tengah	2	
5	Selangor	Klang	2	5
		Gombak	1	
		Petaling	2	
6	WPKL & P	Kepong	2	3
		Titivangsa	1	
7	Johor	Muar	8	11
		Johor Bahru	2	
		Segamat	1	
8	Pahang	Bera	1	2
		Cameron Highland	1	
9	Kelantan	Bachok	5	130
		Kota Bharu	105	
		Kuala Krai	3	
		Machang	2	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	9	
		Pasir Mas	2	
Pasir Puteh	2			
10	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
11	Melaka	Melaka Tengah	2	2
<b>JUMLAH</b>			<b>2,277</b>	

